

10 JUL 1999

MAHATHIR CEMUH PAS KERANA HENDAK LELONG PUTRAJAYA

CYBERJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencemuh PAS kerana hendak melelong Putrajaya jika parti itu menang pilihan raya umum akan datang.

"Saya seronoklah dia hendak lelong. Ini kali pertama PAS hendak lelong masjid," katanya ketika ditanya mengenai kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor itu beberapa hari lalu.

"Saya harap Fadzil Noor akan goncang loceng depan masjid dan berkata ini adalah masjid yang sesuai untuk buat kompleks membeli-belah dan untuk dilelong...siapa nak beli, belilah," katanya pada persidangan akhbar selepas mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Multimedia Raya (MSC) di sini.

Putrajaya adalah pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan yang menjadi satu daripada komponen MSC. Masjid Putra di Putrajaya terletak berhampiran kompleks Pejabat Perdana Menteri.

Pemimpin PAS itu dilaporkan sebagai berkata bahawa Putrajaya akan dilelong kepada raja-raja yang terkaya di seluruh dunia manakala projek-projek mega lain disewakan.

Semalam, Dr Mahathir berkata pembinaan Putrajaya dan projek besar kerajaan yang lain adalah untuk kepentingan jangka panjang dan bukannya satu pembaziran.

Mengenai cadangan PAS untuk membawa usul mengenakan hukuman mati kepada orang Islam yang murtad, beliau berkata isu murtad dibangkitkan PAS semata-mata sebagai gimik politik.

"Bukan ada keikhlasan sama sekali," katanya.

-- BERNAMA

TM AKD